

08/01/2002

Pihak luar cuba serang ekonomi negara: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan bahawa wujud usaha baru untuk memusnahkan ekonomi negara oleh pihak luar termasuk memberi gambaran bahawa Malaysia menjadi sarang pengganas.

Perdana Menteri berkata, malah ada juga usaha yang mendesak pihak kesatuan sekerja tempatan menuntut kenaikan gaji dengan niat jahat supaya daya saingan eksport Malaysia semakin berkurangan.

Malah katanya, ringgit Malaysia kemungkinan menghadapi serangan sekali lagi dengan desakan supaya tambatan RM3.80 kepada dolar Amerika dinilai semula dengan niat bagi membolehkan mereka merobek ekonomi negara.

"Selama ini kita berjaya menangkis serangan pihak luar tetapi banyak lagi cabaran akan kita hadapi pada masa depan apatah lagi dalam era globalisasi," katanya pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III) di sini hari ini.

Ucapan selama lebih sejam itu menyentuh pelbagai perkara mengenai cabaran ekonomi negara dan peranan kakitangan awam. Beliau kemudian mengadakan dialog tertutup selama sejam dengan lebih 600 pegawai kanan kerajaan yang hadir.

Pada majlis itu Dr Mahathir juga menerima surat Akujanji yang ditandatangani Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman. Ini diikuti acara menandatangani Akujanji oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, ketua setiausaha kementerian dan Presiden Cuepacs Datuk N Siva Subramaniam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sebagai sebuah negara kecil bergantung kepada pasaran eksport.

Namun katanya, tindakan pihak asing yang mendesak kesatuan sekerja supaya menuntut kenaikan gaji, jika dipenuhi boleh merosakkan ekonomi negara kerana gaji yang terlalu tinggi akan menyebabkan harga barangan turut meningkat.

"Itulah strategi kita. Apa guna naik gaji 10 peratus jika harga barangan juga naik 10 peratus. Namun kita berjaya mengeluarkan barangan pada kos rendah dan ini menyebabkan daya saingan eksport kita baik," katanya.

Bagaimanapun katanya, kemampuan kerajaan membayar bonus dan kenaikan gaji 10 peratus kepada kakitangan awam dalam keadaan kegawatan ekonomi adalah hasil produktiviti mereka yang meningkat dan majoritinya tidak terbabit dengan rasuah.

Beliau berkata, hanya sedikit saja kakitangan kerajaan yang terbabit dengan kegiatan rasuah dan kerana itu kerajaan mampu mengutip cukai sepenuhnya bagi membangunkan negara dan membayar gaji kakitangan awam.

"Di sesetengah negara, rasuah berleluasa dan kakitangan kerajaannya mengamalkan konsep tawar menawar dalam pembayaran cukai dan ini menjejaskan pendapatan negara itu.

"Tawar menawar seperti itu membuka ruang kepada amalan rasuah. Bila gaji tak cukup, kena bergantung kepada cara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan prestasi kakitangan awam dan gembira bahawa tidak ramai yang terbabit dengan rasuah.

Perdana Menteri berkata kerajaan amat berterima kasih kepada kakitangan awam yang bertanggungjawab menjalankan tugas dengan amanah.

Katanya, ketelitian kakitangan kerajaan dalam membelanjakan wang yang diperuntukkan untuk pentadbiran pembangunan negara dapat dilihat dengan tindakan mereka mengambil masa yang lebih lama dalam membelanjakan wang itu.

"Ini dapat dilihat dengan projek yang tidak dapat dijalankan mengikut jadual sebab mereka perlu menentukan tiada penyelewengan dan duit itu tidak lesap, katanya.

Selain itu katanya, anggota perkhidmatan awam perlu meningkatkan tahap disiplin untuk meningkatkan mutu pentadbiran.

Katanya, disiplin seperti juga nilai baik yang lain termasuk profesionalisme dan kecekapan akan menentukan keberkesanan sesuatu pentadbiran.

(END)